

# Jangan menekan kerana boleh kerjasama dengan PAS—Mahathir

UM 15 NOV 1985

**JITRA** 14 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan orang-orang bukan Melayu supaya jangan membuat desakan-desakan atau tekanan untuk mendapatkan sesuatu dalam keadaan sekarang kerana mereka mempunyai peluang untuk bekerjasama dengan PAS sekarang.

Beliau tidak mahu orang-orang bukan Melayu dengan kerana mereka ada peluang hendak bekerjasama dengan PAS membuat tekanan "kalau tak beri itu, kami sokong PAS. Kalau tak dapat itu kami sokong PAS."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga selaku pengerusi Barisan Nasional menegaskan perbuatan seperti itu hanya akan menjejaskan perpaduan kaum di negara ini.

"Kalau buat begitu pecahlah perpaduan kita dan akhirnya saya yakin kalau PAS memerintah sekalipun keadaan negara ini akan jadi lebih teruk lagi," tegas Perdana Menteri.

Berucap kepada wakil-wakil komponen parti Barisan Nasional Kubang Pasu meliputi UMNO, MCA, MIC di bangunan UMNO di sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata PAS sanggup menjual semua termasuk agama, bangsa dan hak istimewa orang-orang Me-

layu demi bagi kepentingan politik parti tersebut untuk berkuasa dan memerintah negara ini.

Turut hadir di perjumpaan tersebut Menteri Besar Kedah, Datuk Paduka Haji Osman Aroff, dan ahli Exco kerajaan negeri, Haji Hanafi Ramli, Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Ketua UMNO bahagian Kubang Pasu kemudian menghadiri mesyuarat perhubungan UMNO negeri yang dipengerusi oleh Menteri Besar di Bangunan Tunku, Alur Setar malam ini.

Presiden UMNO itu menambah, PAS sekarang nampak bahawa kemenangan Barisan Nasional ialah hasil kerjasama antara orang-orang Melayu, Cina dan India di negara ini," maka dia pun hendak tumpang itu."

Beliau sebaliknya menegaskan dulu bagi PAS semuanya tidak boleh tetapi sekarang semuanya boleh belaka termasuk menerima konsep berbilang kebudayaan dan bahasa.

"Kalau ia terpaksa jual agama dan bangsa, bagi dia (PAS) boleh buat," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Mengenai bermacam pergolakan politik tanah air sekarang termasuk masalah MCA, pengerusi Barisan Nasional itu mengakui bahawa masalah yang sedang dihadapi oleh

MCA dianggap sebagai satu masalah yang besar kerana MCA merupakan parti kedua terbesar di dalam komponen parti-parti Barisan Nasional.

Bagaimanapun beliau menegaskan yang penting ialah MCA tidak berpecah dan kalau MCA pecah ia akan melemahkan Barisan Nasional dan kerajaan.

Menjelang perhimpunan agung luar biasa MCA bagi menentukan pucuk pimpinan parti tersebut yang dijadualkan 24 November ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mengulangi supaya ahli-ahli MCA jangan begitu ghairah dengan puak itu atau puak ini dan "yang penting ialah MCA menang, bukan orang itu, orang ini."

Perdana Menteri juga menyebut negara ini sekarang menghadapi bermacam-macam masalah yang ditimbulkan oleh orang-orang tertentu dengan menimbulkan spekulasi saham dengan menyebarkan khabar-khabar angin mengenai masalah politik MCA yang akan "meletup," kononnya pilihanraya umum akan diadakan tidak lama lagi, masalah perkauman dan sebagainya.

Menurutnya, pergolakan politik di dalam negara dengan bermacam-macam perkara yang berlaku sekarang boleh mengelirukan rakyat dan pemimpin-pemimpin parti politik ke-

rajaan berpunca semata-mata dari salah faham dan salah sangka yang boleh melemahkan pentadbiran dan kerajaan sekarang.

Mengenai kedudukan ekonomi negara ini seka-

rang, Perdana Menteri menegaskan bahawa rakyat negara ini harus bersyukur dengan kekayaan dan keadaan ekonomi negara yang jauh lebih baik dari kebanyakan negara lain.

Beliau menjelaskan kedudukan ekonomi Malaysia masih baik dibandingkan dengan negara-negara tertentu kerana keadaan politiknya yang stabil dan wujud kerjasama antara semua kaum dengan pembahagian kekayaan secara adil.

Mengulas adanya ahli-ahli politik yang tidak puas hati dengan menimbulkan masalah perkauman termasuk rancangan kerajaan bagi mengadakan sekolah integrasi di negara ini, beliau menolak dakwaan sekolah tersebut bertujuan hendak membunuh bahasa Cina dan memberi jaminan kerajaan tidak berniat langsung untuk menyekat bahasa Cina atau Tamil di negara ini berbanding dengan negara-negara tertentu.

Perdana Menteri berharap rakyat bukan Melayu terutama ahli-ahli MCA supaya jangan terpengaruh dengan cakap-cakap seperti itu.